

on 27 September 2012



TARIK MINAT: Pengarah Program Minggu Kejuruteraan UNIMAS 2012 Mohamad Ridzuan Mohamed Noordin (kanan) menemani Wan Hashim (kiri duduk mencangkung) ketika melihat hasil pelajar kejuruteraan membina replika kapal terbang kecil di Fakulti Kejuruteraan UNIMAS, Kota Samarahan, semalam.

### **Graduan kejuruteraan UNIMAS laris**

KOTA SAMARAHAN: Graduan Fakulti Kejuruteraan Universiti Sarawak Malaysia (UNIMAS) sentiasa mendapat permintaan dalam pasaran tenaga kerja di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) sejurus tamat pengajian.

Demikian dedah Dekan Fakulti Kejuruteraan UNIMAS Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Minggu Kejuruteraan bertemakan 'Comprehensive and Balanced Engineers' di sini semalam. Katanya banyak syarikat yang terletak di kawasan SCORE datang ke fakulti berkenaan untuk mendapatkan pelepasan-pelajar yang sesuai bekerja dengan syarikat mereka.

"Sebagai contoh syarikat Tokoyama memang telah mendapatkan beberapa pelajar kami untuk dilatih selama setahun di Jepun dan mereka akan berada (bekerja) di kilang Tokoyama di SCORE selepas itu.

"Walaupun peratusan buat masa ini belum lagi kami dapat berikan tetapi mereka sentiasa mempunyai permintaan untuk jurutera-jurutera kami untuk ke kawasan SCORE," katanya.

Pencarian graduan kejuruteraan awam, elektronik, mekanikal dan kimia telah dimulakan sejak beberapa tahun lalu.

“Perkara ini masih baharu tetapi pelajar keluaran UNIMAS mempunyai kelebihan dalam modul kokurikulum yang lebih komprehensif.

“Mula dibuka pada 25 hingga 30 September, Minggu Kejuruteraan akan menyaksikan ceramah kejuruteraan, persembahan pentas, pameran RC, bazar, ceramah motivasi, pertandingan futsal, forum dan berselawat untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah menengah agar mereka faham akan bidang yang ditawarkan dalam bidang kejuruteraan,” katanya.

Tegas beliau masih ramai yang tidak menyedari kepentingan kejuruteraan dalam pembangunan negara.

Justeru beliau menyeru agar bidang terbabit diberi penekanan khusus dalam bentuk filem sebagaimana yang dilakukan kepada bidang guaman dan perubatan.

“Ia bagi menarik lebih ramai golongan belia untuk memilih bidang kejuruteraan pilihan kursus ketika memasuki IPT,” ujarnya.

Terdapat lebih daripada 1,000 pelajar jurusan kejuruteraan di UNIMAS setakat ini.

Source: [TheBorneoPost Online](#)